

Artikel

**Pemerian Pengaruh Aspek Fonologi dan Leksikal Bahasa Melayu Dalam
Pertuturan Penutur Natif Banjar**
(*A Study of the Influence of Malay Phonological and Lexical Aspects in the Speech of
Banjarese Native Speakers*)

Shahidi A.H.*, Iqbal Norul Amin & Norfazila Ab. Hamid

Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

*Pengarang Koresponden: zedic@ukm.edu.my

Diserah: 02 Mei 2025

Diterima: 02 Ogos 2025

Abstrak: Orang Banjar telah menetap/menempati kawasan semenanjung Malaysia seawal abad ke-18. Daerah yang mempunyai populasi penutur banjar paling ramai di Malaysia ialah daerah Kerian di Negeri Perak. Seperti penutur etnik minoriti yang lain, masyarakat Banjar turut berhadapan dengan pengaruh budaya tempatan, khususnya dari aspek bahasa. Motivasi instrumental dan perkahwinan campur merupakan antara faktor utama yang mendorong peluasan bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat Banjar di Malaysia. Makalah ini bertujuan meneliti pengaruh bahasa Melayu dari aspek fonologi dan leksikal terhadap bahasa Banjar di Bagan Serai, Perak. Penutur natif Banjar dari Kampung Teluk Seribu, Kampung Teluk Medan, Kampung Sungai Gedong, Kampung Parit Tuan Bridge telah dipilih sebagai informan kajian menerusi/melalui kaedah *snowball sampling*. Kaedah temubual dan rakaman telah dimanfaatkan sepenuhnya dalam pengumpulan data, manakala analisis dilakukan menggunakan Linguistik Struktural deskriptif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat pelbagai unsur bahasa Melayu semakin menonjol dalam bahasa Banjar khususnya dalam fenomena asimilasi, pengguguran dan pelenyapan bunyi, serta penerapan secara terus leksikal bahasa Melayu. Kajian ini turut berjaya membuktikan pengaruh bahasa Melayu melalui kewujudan fonem vokal Tengah [ə] dan konsonan [ɣ]. Hasil kajian ini memberi implikasi penting terhadap pembinaan jaringan variasi bahasa Melayu di Malaysia serta membuka perspektif baru tentang pertuturan bahasa Banjar moden.

Kata kunci: Bahasa Banjar; fonologi; leksikal; peluasan bahasa; pengaruh bahasa Melayu

Abstract: The Banjar people have settled in the Malay Peninsula as early as the 18th century. The district with the largest population of Banjar speakers in Malaysia is Kerian, located in the state of Perak. Similar to other minority ethnic groups, the Banjar community is also subjected to the influence of local culture, particularly in terms of language. Instrumental motivation and intermarriage are among the primary factors driving the expansion of the Malay language within the Banjar community in Malaysia. This paper aims to examine the influence of the Malay language on the Banjar language in Bagan Serai, Perak, focusing on phonological and lexical aspects. Native Banjar speakers from Kampung Teluk Seribu, Kampung Teluk Medan, Kampung Sungai Gedong, and Kampung Parit Tuan Bridge were selected as informants using the snowball sampling method. Interviews and audio recordings were fully utilized for data collection, while analysis was conducted through descriptive structural linguistics. The findings reveal that various Malay linguistic features have become increasingly prominent in the Banjar language, particularly in phenomena such as assimilation, deletion and disappearance of sounds, as well as the direct adoption of Malay lexical

items. The study also demonstrates the influence of the Malay language through the presence of the mid-vowel phoneme [ə] and the consonant [ɣ]. The results of this study carry significant implications for the construction of Malay language variation networks in Malaysia and open new perspectives on the speech patterns of modern Banjar.

Keywords: Banjar language; phonology; lexical; language expansion; Malay language influence

Pengenalan

Perak Darul Ridzuan merupakan negeri kedua terbesar dalam Semenanjung Malaysia selepas negeri Pahang. Keluasan negeri Perak dianggarkan sekitar 6.4% daripada keluasan Malaysia (DOSM, 2020). Kedudukan geografi negeri Perak yang berada di tengah-tengah semenanjung Malaysia telah menyebabkan negeri ini bersempadan dengan negeri-negeri yang lain. Negeri Perak memiliki 12 buah daerah yang bernaung di bawahnya dan salah satunya ialah daerah Kerian. Kerian ialah sebuah daerah yang terletak di utara negeri Perak yang bersebelahan dengan daerah Seberang Perai Selatan di Pulau Pinang dan Bandar Baharu di Kedah (Berita Harian, 2016). Freddie (2019) telah menyatakan bahawa negeri Perak ini berkongsi sempadan dengan negeri lain seperti negeri Kedah, Pulau Pinang, Kelantan, Pahang dan negeri Selangor. Selain itu, Perak juga mempunyai sempadan antarabangsa dengan Thailand iaitu bersebelahan dengan wilayah Yala. Berdasarkan keadaan ini, Perak sudah pasti memiliki kepelbagaian dialek yang dituturkan oleh masyarakatnya. Hal yang demikian sebenarnya telah diakui oleh Harun Mat Piah (1983). Menurutnya, faktor geografi, politik dan perdagangan telah menyebabkan varian dialek Melayu banyak dikesan di Perak berbanding negeri lain di semenanjung. Perkara yang dinyatakan demikian telah menjadikan varian dialek Melayu Perak ini sesuatu yang menarik untuk dikaji.

Sejak dahulu lagi, telah terdapat sebilangan besar pengkaji yang meneliti aspek berkaitan varian dialek Melayu yang dituturkan oleh penutur natif Melayu dalam negeri Perak. Kajian awal mengenai dialek Perak ini dimulakan oleh mubaligh-mubaligh Kristian seperti Sturrock (1912), Brown (1921) dan Wulff (1926). Namun, kesemua kajian ini lebih cenderung meneliti bahasa di sepanjang Sungai Perak (Habibah, 2022). Kemudian, muncul pula sarjana-sarjana tempatan yang membahaskan tentang pengelompokan dialek Perak ini. Misalnya, kajian oleh Harun (1983). Beliau telah membahagikan dialek Perak ini kepada enam bahagian: iaitu daerah Kerian yang bermula dari Parit Buntar hingga Taiping dan pertuturannya mendekati dialek utara. Daerah Tengah, termasuk Kuala Kangsar hingga Lenggong pula tergolong dalam subdialek Kuala Kangsar. Daerah Bota, Parit hingga Kampung Gajah pula menuturkan subdialek Parit. Daerah Hulu Perak, termasuk Gerik dan Klian intan menuturkan dialek Patani. Daerah-daerah lain, termasuk Ipoh hingga Tanjung Malim lebih menuturkan bahasa Melayu standard dan dialek pendatang atau dialek luar.

Kesan sejarah dan migrasi telah menjadikan negeri ini menerima kemasukan dialek luar. Buktinya dalam kajian Harun (1983), Asmah (1985), Raja Mukhtarudin (1986). Nor Hashimah (2018) dan lain-lain lagi. Kajian-kajian ini telah menyerlahkan kewujudan dialek luar yang memiliki ciri linguisitik berbeza dengan dialek Melayu Perak. Misalnya, Asmah (1985) telah membuat perbandingan antara dialek Perak dengan dialek Patani dan dialek Rawa dalam kajiannya. Selain itu, Raja Mukhtaruddin (1985) pula telah menyatakan bahawa negeri Perak sebagai destinasi para penghijrah dari wilayah luar seperti Kampar, Jawa, Mandailing, Bugis dan Banjar yang telah mewujudkan variasi-variasi bahasa di negeri ini. Berdasarkan kenyataan yang demikian, nyatalah bahawa wujudnya dialek-dialek luar di Perak sekali gus memperkayakan lagi varian-varian yang terdapat di negeri ini.

Salah satu dialek luar yang terdapat di negeri Perak ini ialah bahasa Banjar. Bahasa ini merupakan bahasa ibunda yang digunakan oleh masyarakat Banjar atau lebih dikenali sebagai *urang Banjar*. Penutur bahasa Banjar ini berasal daripada Banjarmasin, Kalimantan Selatan. Kaum Banjar ini dipercayai sudah berada di Malaysia sekitar abad ke-19 lagi (Salleh Lamry, 2016). Penghijrahan mereka ke tanah Melayu disebabkan penindasan yang dilakukan oleh pemerintah Belanda ke atas mereka. Selain itu, faktor pembukaan tanah baru di Tanah Melayu turut menarik perhatian mereka untuk merantau ke Tanah Melayu. Peluang yang terhidang untuk memulakan kehidupan baharu dilihat sebagai pemangkin kepada penghijrahan masyarakat Banjar ke Tanah Melayu. Pembukaan tanah baru untuk diteroka di Tanah Melayu merupakan faktor

penarik untuk mereka bermigrasi ke Tanah Melayu pada ketika itu. Para penghijrah ini sudah tidak akan pulang ke perkampungan asal mereka dan digelar sebagai “Perantau Yang Hilang” oleh Salleh Lamry (2016). Oleh hal yang demikian, golongan ini sudah meneruskan kehidupan sebagai petani sara diri dan membuka penempatan di beberapa kawasan perkampungan Banjar. Salah satu perkampungan ‘urang banjar’ ini terdapat di daerah Kerian khususnya di BagannSerai, Perak.

Sepanjang kajian ini dijalankan, isu keterbatasan kajian merupakan kelompongan terbesar mengenai bahasa Banjar di Malaysia ini. Dalam erti kata lain, kekurangan kajian yang menyentuh isu bahasa ibunda masyarakat Banjar ini telah merencatkan kosa ilmu kajian mengenai Banjar ini. Berdasarkan pengamatan pengkaji, bahasa Banjar di Perak ini mula diberi perhatian oleh pengkaji-pengkaji lain setelah munculnya kajian Noraini Hamzah (2018). Namun, kajian beliau begitu ringkas dengan hanya mengelompokkan kawasan penyebaran bahasa Banjar di Kerian sahaja. Selain itu, Khaidir (2020) pula telah meneliti aspek kata nama dalam bahasa Banjar di Kerian. Namun demikian, kajian beliau ini sekadar melakukan perbandingan leksikal kata nama dalam bahasa Banjar dan bahasa Melayu sahaja. Kajian seterusnya yang dijalankan oleh Yusmawati (2021) pula hanya melihat aspek kata sapaan dan rujukan dalam masyarakat Banjar sahaja. Manakala, Rahim et al. (2018) pula menyerlahkan tentang inventori fonem purba yang terkandung dalam VBBP sahaja. Hal yang demikian telah menghasilkan jurang yang besar antara kajian bahasa Banjar dengan kajian varian dialek Melayu yang lain. Kajian-kajian bahasa Banjar yang dijalankan sebelum ini menjelaskan mengenai isu-isu seperti inventori fonem purba, kutipan leksikal kata nama, penggunaan kata rujukan dalam Banjar dan lain-lain lagi. Namun, kajian-kajian tersebut tidak menyentuh isu-isu berkaitan pengaruh bahasa Melayu yang semakin menyapakan identiti bahasa Banjar. Sebagai bahasa minoriti, isu pengaruh bahasa Melayu, keterancaman bahasa menjadi isu hangat yang perlu dibahaskan dengan lebih lanjut.

Justeru, kajian yang dijalankan di Bagan Serai ini, mengetengahkan dua objektif utama yang mengisi kelompongan yang telah ditinggalkan tersebut. Objektif yang pertama ialah memerihalkan sejauhmana pengaruh bahasa Melayu terhadap bahasa Banjar. Manakala, objektif kedua pula ialah mengenalpasti faktor penyebaran pengaruh bahasa Melayu ke atas bahasa ibunda masyarakat Banjar di mukim Bagan Serai, Perak.

Sorotan Literatur

Sesungguhnya, penelitian dialektologi ke atas data varian bahasa Melayu telah agak meluas dilakukan oleh para pengkaji di Malaysia. Sebagai contoh, pemetaan dialek Ulu Terengganu oleh Collin & Naseh (1981). Menurut mereka, dialek Ulu Terengganu ini bercirikan linguistik kuno dan dikelaskan sebagai sebuah dialek Melayu yang tersendiri. Selain itu, proses diftongisasi vokal tinggi suku akhir dalam dialek Melayu Kerinchi dilihat sebagai persamaan dengan dialek Ulu Terengganu. Kajian oleh Shahidi et al. (2019) berkenaan variasi leksikal kata ganti nama diri (KGND) Ulu Berang pula mendapati bahawa sebanyak tujuh leksikal KGND yang digunakan oleh penutur dalam subdialek Ulu Berang ini. KGND1 dalam subdialek ini terdiri daripada (aku [akəʔ], saya [saje], kita [kite]). KGND2 pula terdiri daripada (kamu [məŋ], kamu semua [mumi]) dan KGND3 pula seperti (dia [dije], mereka [dimi]). Varian dialek Melayu di Perak pula merekodkan kepelbagaian varian dialek Melayu. Misalnya, penyebaran dialek Patani di sekitar daerah Hulu Perak hingga ke Larut, Matang dan Selama, dialek Kedah didapati disekitar Taiping hingga ke utara, kawasan Ipoh hingga ke selatan menuturkan dialek Selangor, dialek asli Perak dituturkan di kawasan Kuala Kangsar dan juga Parit, dan dialek Melayu Rawa dituturkan di kawasan Gopeng serta Selama (Asmah, 2015). Para pengkaji varian dialek Melayu Perak yang terdahulu lebih cenderung untuk menyelidiki dialek asli Perak berbanding dialek-dialek Melayu lain yang terdapat di negeri ini. Kajian-kajian yang meluas dan mendalam telah menyerlahkan bukti empirikal tentang ciri fonologi dialek Perak dan pengelompokkannya telah berjaya dibahaskan oleh para peneliti lepas seperti Ismail Hussien (1973), Harun Mat Piah (1986), Shahidi (2021), Raja Mukhtaruddin (1986), Zaharani Ahmad (1999), Nuwairi (2003) dan sebagainya.

Namun hakikatnya, kewujudan variasi rumpun bahasa Melayu di Malaysia khususnya bahasa Banjar di Malaysia ini tidaklah wajar diserlahkan menerusi disiplin kajian dialektologi semata-mata. Malah, terdapat juga pengkaji yang meneliti bahasa Banjar dalam aspek kajian linguistik yang lain, khususnya leksikal, fonologi, dan morfologi.

Kajian oleh Mohd Khaidir et al. (2020) memfokuskan kepada aspek leksikal kata nama dalam bahasa Banjar. Kajian ini hanya bertujuan untuk mengutip aspek kata nama leksikal dan seterusnya membandingkan

dengan bahasa Melayu standard. Selain itu, aspek sejarah kedatangan etnik Banjar ke Tanah Melayu dan mukim Bagan Serai turut dibincangkan di dalam kajian ini. Seramai 10 orang informan terlibat dalam proses temubual bagi mengumpulkan data. Kampung-kampung di dalam mukim Bagan Serai telah dipilih sebagai titik kawasan kajian. Misalnya, Kampung Jalan Banjar, Masjid Tinggi, Parit Gabis, Telok Medan dan Parit Haji Taib. Dalam kajian ini, beliau telah menyenaraikan leksikal-leksikal yang terdiri daripada aspek kata nama. Mereka telah membahagikan kata nama berdasarkan konsep. Misalnya dalam konsep 'jantina', lakik (lelaki), bibinik (perempuan), laki binian (suami isteri). Konsep 'peralatan dapur' pula seperti rinjing (kuali), garingsing (kawah), cangkir (cawan), paringan (pinggan). Kajian ini juga telah menyenaraikan makanan Banjar yang dilihat sebagai keunikan kepada kajian ini. Misalnya, cucur tawadak (cucur cempedak), nasi sasangan (nasi goreng), cakuduk (cekodok), ikan babanam (ikan bakar), cacapan (air asam) dan lain-lain lagi.

Yusmawati Yusoff dan Khaidir Abdul Wahab (2021) pula meneliti penggunaan kata sapaan dan rujukan dalam kalangan masyarakat Banjar di daerah Kerian. Fokus utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti bentuk kata sapaan dan rujukan yang sering digunakan dalam masyarakat Banjar di Bagan Serai. Seramai 20 orang responden diperlukan di dalam kajian yang dikumpulkan di mukim Bagan Serai dan mukim Parit Buntar. Kerangka teoritis kajian ini dibentuk berdasarkan teori kata sapaan Ervin-Tripp (1986) dan disokong dengan konteks sistem Sapaan Amat Juhari Moain (1989). Hasil dapatan pula dibahagikan kepada kata ganti nama diri (KGND), kata sapaan dan rujukan kekeluargaan iaitu keluarga sedarah dan keluarga semenda, dan kata sapaan dan rujukan masyarakat. KGND pertama seperti ako(aku), ulon, kitta (kita). KGND kedua seperti ikam (kamu/awak) andika inya (dia). Manakala KGND ketiga pula seperti kawitan (ibu bapa) paninian (datuk nenek) dipa (mereka), angh (pakcik makcik dan angahnyak). Seterusnya, kata sapaan dan rujukan keluarga sedarah pula seperti ummak (emak), abeh (ayah), attok (datuk), ninek (nenek), utoh (abang), kulaan (saudara) dan lain-lain lagi. Namun demikian, bahasa Banjar ini turut memiliki kata sapaan dan rujukan bagi keluarga yang tidak sedarah seperti mintuha (mentua), lakek (suami), minanto (menantu), adding ipar (adik ipar) dan lain-lain lagi. Selanjutnya, katasapaan dan rujukan dalam masyarakat Banjar pula seperti katuha kampung (ketua kampung), ustat (ustaz), ajik (haji) dan lain-lain lagi.

Rahim Aman et al. (2018) pula telah menjalankan kajian untuk mendeeksripsikan sistem fonologi varian bahasa Banjar Kuala (BK), Banjar Hulu (BU), dan Banjar Alai (BA). Kajian ini dijalankan di lokasi-lokasi terpilih seperti Kampung Parit Haji Ali, Kampung Parit Lebai Khadir, Kampung Parit Haji Taib, Kampung Parit Air Hitam, Kampung Parit Mentara, Pekan Alor Pongsu, Kampung Simpang Lima, Kampung Simpat Empat, Kampung Parit Abu Hasan Ban, Batu 38 Jalan Keretapi, Jalan Baru, Kampung Pelanduk, Kampung Kedai Dua, Dan Parit Haji Kassim. Bagi kajian ini, seramai enam orang responden telah dipilih bagi mewakili varian Banjar Beriah. Manakala, sebanyak 480 daftar leksikal dimanfaatkan yang terdiri daripada pelbagai medan semantik. Rahim Aman et al. (2018) merumuskan bahawa VBBP mempunyai tiga fonem vokal iaitu /i, *a dan *u/ yang terdiri daripada dua vokal depan dan satu vokal belakang. Manakala, sebanyak 18 konsonan pula terdapat dalam VBBP iaitu *p*b*t*d*k*g*s*h*ɟ*dʒ*m*n*ŋ*ɲ*r*l*w*j. Selain itu, VBBP juga memiliki tiga buah diftong iaitu *aw, *aj, *uj.

Farris Imadi et al. (2023) pula telah meneliti bahasa Banjar di Kuala Kurau, Perak. Kajian ini dilakukan bagi menghuraikan proses perubahan nasal dalam bahasa Banjar di Kuala Kurau. Analisis Teori Optimaliti diterapkan dalam kajian ini untuk mengenalpasti proses perubahan nasal dalam bahasa Banjar. Selain itu, kajian ini melibatkan penutur natif asli bahasa Banjar yang berketurunan banjar Keluak di kawasan Kuala Kurau. Kajian ini telah menyenaraikan inventori fonem vokal dan konsonan bahasa Banjar Kuala Kurau. Fonem vokal bahasa Banjar Kuala Kurau memiliki vokal /i/, /e/, /u/, /a/, dan /ɔ/. Manakala, fonem konsonan pula memiliki bilangan yang sama dengan bahasa Banjar Kuala. Selain itu, kajian ini pula telah mendapati bahawa proses asimilasi homorganik nasal berlaku apabila kata dasar yang dimulai oleh segmen /b/, /g/, /d/, /dʒ/ menerima imbuhan paN-.

Pada hakikatnya, kajian dialek di Perak ini bukanlah sesuatu yang baharu. Malah, ia semakin berkembang dengan adanya bantuan teknologi seperti *Geographical Information System* (GIS) dalam kajian-kajian dialek terkini. Bantuan teknologi ini telah membantu meluaskan kajian dialek di Perak. Hasilnya, wujudlah pengkaji-pengkaji yang meneliti dialek-dialek luar atau dialek pendatang seperti bahasa Banjar di Perak.

Siti Noraini Hamzah (2018) misalnya, telah berusaha mengenal pasti penyebaran varian bunyi dan leksikal dalam dialek-dialek di Perak di samping menganalisis dan menghuraikan pola penyebaran dialek-dialek di Perak berdasarkan faktor linguistik dan geospasial. Kajian Siti Noraini Hamzah (2018) juga menghasilkan peta isoglos baharu negeri Perak. Keunikan kajian ini dapat dilihat apabila pengkaji berjaya mengenalpasti kawasan penyebaran varian leksikal bahasa Banjar di Perak. Misalnya varian 'air' dituturkan sebagai [baju] di beberapa kampung kawasan Kerian, Hilir Perak dan Batang Padang. Selain itu, huraian tentang migrasi dan sejarah sebagai faktor utama kepada kepelbagaian varian bunyi dan leksikal dalam dialek Perak juga telah dijelaskan di dalam kajian ini.

Kajian oleh NorHashimah (2018) pula telah bertumpu kepada tiga perkara utama iaitu penyebaran dialek Melayu di sepanjang Sg. Perak berdasarkan kata nama, kesan migrasi pada dialek Melayu di Perak, dan isoglos baharu dan masa depan dialek Melayu di Perak. Kajian ini telah memanfaatkan teknologi baharu iaitu *Geographical Information System* (GIS) yang telah memberikan nafas baharu kepada kajian dialek di negeri Perak. Kajian yang dilakukan ini sebenarnya mencakupi seluruh kawasan negeri Perak. Kajian ini meneliti kepelbagaian dialek yang terdapat di negeri Perak berdasarkan leksikal- leksikal seperti /air/, /bantal/, dan kata ganti nama. Leksikal tersebut akan dibandingkan penggunaannya di dalam golongan tua dan golongan muda. Beliau telah berhasil mengenalpasti kesan migrasi ke atas dialek di Perak. Menurut kajian ini, kemasukan para penghijrah dari Patani, Jawa, Banjar, Rawa, Mandailing telah memperkayakan bahasa-bahasa yang terdapat di Perak. Kemasukan suku kaum Banjar ini disebabkan beberapa faktor seperti penekanan yang dilakukan oleh Belanda dan faktor pembukaan tanah baru di Tanah Melayu pada ketika itu. Mereka ini digelar sebagai 'perantau hilang' yakni tinggal menetap terus di perantauan (Salleh Lamry, 2016). Di Perak, daerah Kerian merupakan daerah paling ramai menempatkan etnik Banjar. Oleh hal yang demikian, leksikal /air/ telah menyerlahkan tentang pengaruh Banjar ini apabila masyarakat di sana menuturkannya sebagai /baju/ sebagai 'air'. Sebuah peta yang melihat kepada penyebaran varian /baju/ ini turut ditampilkan di dalam kajian ini.

Metodologi

Bahagian ini menerangkan tentang kaedah-kaedah yang digunakan bagi mendapatkan segala maklumat yang diperlukan dalam kajian ini. Kaedah yang digunakan akan diterangkan kepada tiga tahap iaitu; tahap mengumpul data, tahap menganalisis data dan tahap memaparkan data.

Sepanjang proses mengumpulkan data, kaedah turun ke lapangan sebagai kaedah utama bagi mengumpulkan segala data yang diperlukan. Bagi kes ini, kawasan Bagan Serai telah dipilih sebagai kawasan kajian. Signifikannya Bagan Serai dipilih sebagai kawasan kajian kerana menempatkan penempatan terbesar masyarakat Banjar (Salleh Lamry, 2016). Seramai empat orang penutur natif (dua orang lelaki dan dua orang perempuan) telah dipilih sebagai responden kajian ini. Mereka ini dipilih sebagai responden kerana menepati ciri-ciri yang berlandaskan pemilihan informan berdasarkan NORM/NORF iaitu *non-mobile, older, rural dan male/female*. Kesemua responden ini merupakan penutur natif Banjar yang mewakili kampung masing-masing. Kampung-kampung ini terdiri daripada kampung Teluk Seribu, kampung Teluk Medan, kampung Sungai Gedong, kampung Parit Tuan Bridge. Kesemua responden ini telah ditemubual bagi mendapatkan data yang diinginkan.

Bagi merealisasikan proses pengumpulan data ini, teknik pengajuan gambar diterapkan sebagai teknik utama untuk mendapatkan data di lapangan. Sebanyak 65 leksikal diterjemahkan ke bentuk bergambar. Pemilihan leksikal ini dibuat berdasarkan kosa kata swadesh dan ditambahkan dengan kosa kata banjar yang terkandung dalam kajian Khaidir Wahab (2022). Setiap leksikal yang dipilih sudah dilihat kesesuaiannya dengan masyarakat Banjar di Bagan Serai. Selain itu, teknik rakaman turut diaplikasikan dalam kajian ini. Setiap perbualan dan proses temubual ini dirakam bagi memudahkan data yang didapatkan ini disimpan sebelum dianalisis.

Data yang telah didapatkan di lapangan ini telah ditranskripsikan ke dalam bentuk fonetik. Perkara ini memudahkan pengkaji untuk meneliti aspek perbezaan fonologi dan leksikal antara dua bahasa dan seterusnya memerihalkan sejauhmana pengaruh bahasa Melayu ke atas bahasa Banjar di Bagan Serai. Antara aspek yang diteliti merangkumi proses asimilasi, pengguguran serta pelenyapan, dan penerapan secara terus leksikal bahasa Melayu dalam bahasa Banjar dan lain-lain lagi. Hasil dapatan kajian ini dihuraikan

dengan bantuan jadual. Jadual tersebut memuatkan bahagian yang menampilkan varian, kampung yang menuturkan dan juga glosari Banjar. Menerusi pemaparan ini, unsur-unsur yang menampakkan pengaruh Bahasa Melayu ke atas bahasa Banjar dapat ditunjukkan dengan jelas. Selain itu, isu ketebalan dan kecairan bahasa Banjar di Bagan Serai juga dapat dikenalpasti setelah pemaparan ke dalam bentuk jadual ini dihasilkan.

Hasil Kajian dan Perbincangan

Bahagian ini memaparkan hasil kajian berdasarkan analisis data yang telah diperoleh terdahulu. Berdasarkan hasil analisis data, beberapa aspek yang menampakkan pengaruh bahasa Melayu ke atas bahasa Banjar telah dikenalpasti. Maka, bahagian ini akan dibahagikan kepada beberapa aspek bagi menjelaskan tentang isu pengaruh bahasa Melayu ini.

1. Penerapan vokal tengah /ə/ dalam bahasa Banjar

Jadual 1 di bawah memaparkan kehadiran vokal tengah /ə/ yang terdapat dalam data varian dialek Melayu.

Jadual 1. Penerapan vokal tengah /ə/ dalam bahasa Banjar

Glos Banjar	Varian	Kampung ¹
k <u>a</u> neŋ	[kanəŋ]	3,4
	[kəniŋ]	1,2
p <u>a</u> rot	[parot]	3
	[pərot]	1,2,4
l <u>a</u> mbu	[ləmbu]	1,2,4
	[lambu]	3
a <u>n</u> am	[anam]	3
	[ənam]	1,2,4
a <u>m</u> pat	[pat]	1,4
	[əmpat]	2
	[ampat]	3
s <u>a</u> mbilan	[sambilan]	3
	[səmilan]	1,2,4

Jadual di atas jelas memperlihatkan kelaziman kehadiran vokal tengah /ə/ dalam varian dialek Melayu. Vokal tengah /ə/ ini sudah mempengaruhi bahasa Banjar apabila terdapat penggunaannya dalam beberapa leksikal bahasa Banjar di beberapa perkampungan Banjar di Bagan Serai. Sebelum ini, Ras (1968) telah mengenalpasti bahawa bahasa Banjar tidak memiliki fonem /ə/ dan /o/. Manakala Sudarmo (2017) telah menyenaraikan inventori fonem bagi Bahasa Banjar pula terdiri daripada /a/, /i/, /u/, /o/, and /e/. Selain itu, Rahim Aman et al. (2018) turut telah mengenalpasti fonem vokal bagi Banjar purba hanyalah terdiri daripada /*i, *a dan *u/ sahaja. Kini, bahasa Banjar sudah menampakkan ciri pengaruh bahasa Melayu apabila wujud kehadiran fonem vokal tengah /ə/. Vokal tengah /ə/ ini lazimnya digunakan dalam kebanyakan varian dialek Melayu. Misalnya, /kəniŋ/, /pərot/, /səmilan/, /əmpat/ dan lain-lain lagi yang banyak dituturkan di kampung-kampung seperti kampung 1, 2, dan 4.

2. Penerapan Konsonan Frikatif velar /ɣ/ dalam bahasa Banjar.

Kehadiran konsonan frikatif velar /ɣ/ yang sinonim dalam varian dialek Melayu diperlihatkan dalam jadual di bawah.

Jadual 2. Penerapan konsonan frikatif velar /ɣ/ dalam bahasa Banjar

Glos Banjar	Varian	Kampung
tekaʔ	[kəɣoŋkoŋ]	1,3
	[ɣəŋkoŋ]	2
	[rahaŋ]	4
bərat	[bərat]	1,2,3
	[bəɣat]	4
rosaʔ	[ɣosaʔ]	2,3
	[rosaʔ]	1,4

Berdasarkan jadual 2 di atas, terdapat penggunaan konsonan frikatif velar /ɣ/ yang sinonim dalam varian dialek Melayu. Kewujudan tersebut dikenalpasti apabila terdapat kewujudan fonem tersebut dalam beberapa buah kampung. Pengenalpastian tersebut telah mengabsahkan bahawa terdapat pengaruh bahasa Melayu dalam bahasa Banjar. Mengikut Rahim Aman et al. (2018), hanya 18 konsonan sahaja dalam VBBP. Kajian beliau menunjukkan bahawa fonem /ɣ/ tidak ditemui dalam data VBBP. Sudarmo (2017) dalam kajiannya juga turut mendapati bahawa tiada fonem konsonan /ɣ/ dalam bahasa Banjar. Selain itu, kajian oleh Faris Imadi (2023) juga telah menunjukkan bahawa tiada fonem /ɣ/ dalam bahasa Banjar di Kuala Kurau. Namun, bahasa Banjar di Bagan Serai kini sudah menampakkan penggunaan fonem konsonan /ɣ/ seperti /ɣosaʔ/, /bəɣat/ dan /kəɣoŋkoŋ/. Fonem /ɣ/ ini merupakan fonem yang sinonim dengan varian dialek Melayu, misalnya dialek Kedah dan dialek Pulau Pinang (Lihat misalnya kajian oleh Tarmizi Hasrah 2021 dan Ong Su Teck et al. 2016).

3. Kutipan Leksikal Bahasa Melayu dalam Bahasa Banjar

Jadual 3 berikut menyerlahkan kehadiran leksikal bahasa Melayu dalam data bahasa Banjar.

Jadual 3. Kutipan leksikal Bahasa Melayu dalam bahasa Banjar

Bahasa Melayu	Kawasan Yang Mengujarkan	Glos Banjar
tu ^w a	1-4	tuha
muda	1,2,4	anom
merah	1-4	habaŋ
rabu	1-4	arba
hitam	1-3	hiraŋ
təsembam	1,2,4	tadgurunʔkop
təyantoʔ	1,2,4	tahaŋkop

Jadual di atas menunjukkan bahawa terdapat beberapa leksikal bahasa Melayu yang diambil secara terus dan diterapkan dalam bahasa Banjar. Perkara demikian dapat dibuktikan apabila terdapat beberapa kawasan yang mengujarkan leksikal bahasa Melayu berbanding menuturkan leksikal bahasa Banjar. Hal ini dapat dilihat apabila terdapat kampung-kampung yang sudah menggunakan leksikal bahasa Melayu iaitu /tu/, /muda/, /merah/, /rabu/ berbanding menggunakan leksikal Banjar /tuha/, /anom/, /habaŋ/, /arba/. Makna lain bagi kenyataan tersebut ialah penggunaan bahasa Banjar yang dicampurkan bersama bahasa Melayu. Misalnya, /tu^wa/, /muda/, /merah/, /rabu/. Fenomena yang sama turut terserlah dalam bahasa Jawa. Perkara ini ditegaskan dalam kajian variasi bahasa oleh Karim Harun et al. (2015) apabila mengatakan bahawa bahasa Melayu dan bahasa Jawa ini bercampur atau digunakan secara berselang seli.

Berasaskan hasil dapatan kajian, penulisan ini seterusnya berusaha untuk menyerlahkan isu-isu berbangkit mengenai pengaruh bahasa Melayu ke atas bahasa Banjar di Bagan Serai. Perbincangan aspek ini, justeru, difokuskan kepada beberapa tema iaitu (i) ketebalan dan kecairan bahasa Banjar, (ii) unsur pengaruh bahasa Melayu, dan (iii) faktor pengaruh bahasa Melayu ke atas bahasa Banjar.

Ketebalan Dan Kecairan Bahasa Banjar

Terdapat beberapa isu yang memperlihatkan tentang pengaruh bahasa Melayu ke atas bahasa Banjar di Bagan Serai. Antaranya kecairan bahasa Banjar. Beberapa kampung dilihat sudah mengalami pencairan bahasa Banjar ini. Situasi yang demikian disebabkan oleh pengaruh bahasa Melayu yang mula merebak. Misalnya di kampung Teluk Medan dan kampung Parit Tuan Bridge. Kedua kampung ini telah menunjukkan bahawa bahasa Banjar ini semakin mencair dan digantikan dengan bahasa Melayu.

Berbeza pula dengan beberapa kampung yang dilihat masih memiliki ciri ketebalan bahasa Banjar. Kampung-kampung ini masih menunjukkan bahawa bahasa ibunda bagi masyarakat Banjar ini masih lagi terpelihara. Misalnya, kampung Teluk Seribu dan kampung Sungai Gedong. Malah, sewaktu temuramah sedang dijalankan juga telah mendapati bahawa lenggok bahasa Banjar masih lagi utuh ketika penutur natif Banjar ini bertutur. Perkara yang dinyatakan ini menjelaskan bahawa masih terdapat kawasan yang belum dipengaruhi oleh bahasa Melayu.

Unsur Peluasan Pengaruh Bahasa Melayu

Beberapa unsur yang menampakkan ciri peluasan pengaruh Bahasa Melayu ke atas bahasa Banjar semakin menonjol. Antara unsurnya seperti kepupusan atau pelenyapan dan asimilasi.

Kajian ini telah mengenalpasti kewujudan aspek kepupusan leksikal bahasa Banjar di Bagan Serai. Kepupusan terjadi atas sebab dua faktor utama iaitu penggunaan bahasa Melayu yang semakin meluas dan tahap penggunaan bahasa Banjar yang rendah. Beberapa leksikal dalam bahasa Banjar dilihat sudah tidak lagi digunakan dalam kalangan penutur natif. Hal yang demikian disebabkan keselesaan kebanyakan penutur menggunakan beberapa leksikal yang diambildaripada bahasa Melayu. Tahap penguasaan leksikal atau kosa kata Banjar yang rendah juga telah membuka ruang kepada bahasa Banjar ini diancam kepupusan. Antara leksikal yang sudah jarang digunakan seperti *Arba* yang merujuk kepada hari Rabu, *habang* yang merujuk kepada warna merah, *tajurungkup* yang merujuk kepada tersungkur dan lain-lain lagi.

Kelaziman pengaruh bahasa majoriti ke atas bahasa minoriti terserlah melalui aspek asimilasi. Hal yang dinyatakan demikian kerana bahasa Banjar ini telah berasimilasi dengan bahasa Melayu terutamanya dialek Melayu Kedah. Misalnya penggantian vokal depan luas /a/ kepada vokal tengah /ə/ dalam bahasa Banjar. Selain itu, konsonan frikatif velar bersuara /ɣ/ turut sudah diterapkan dalam pertuturan harian bahasa Banjar ini. Perkara yang berlaku ini merupakan kelaziman bagi sesebuah bahasa minoriti untuk menyesuaikan dengan bahasa majoriti dalam sesuatu kawasan. Hal ini turut dipersetujui oleh Teo Kok Seong (2005) yang telah meneliti tentang asimilasi bahasa Hokkien Cina Peranakan dengan dialek Melayu Kelantan serta dialek Thai Kelantan.

Faktor Penyebaran Pengaruh Bahasa Melayu

Sepanjang kajian ini dijalankan, pengkaji berpendapat terdapat dua faktor utama yang menampakkan pengaruh bahasa Melayu ini semakin meluas dalam kalangan masyarakat Banjar. Faktor-faktor tersebut ialah sikap bermotivasi instrumental dan juga faktor perkahwinan campur.

Pengkaji berpendapat bahawa fenomena bahasa yang diperlihatkan oleh penutur natif Banjar di Bagan Serai ini lebih bermotivasi instrumental. Menurut Saniah et al (2012), motivasi instrumental merujuk kepada pembelajaran bahasa kedua bagi memenuhi permintaan dalam aspek pendidikan, ekonomi dan lain-lain lagi. Malaysia sememangnya telah mengangkat bahasa Melayu yang berfungsi sebagai bahasa pengantar dalam dunia pendidikan. Situasi demikian menjadikan kebanyakan penutur natif Banjar di Bagan Serai mula menitikberatkan kefasihan menuturkan bahasa Melayu. Perkara ini membolehkan masyarakat Banjar mendapatkan pendidikan yang berkualiti.

Sebagaimana penting bahasa Melayu dalam bidang pendidikan, aspek ekonomi turut menampakkan kepentingan bahasa rasmi Malaysia ini dalam proses jual beli. Sejak kedatangan masyarakat Banjar ini ke

Tanah Melayu, kebanyakan mereka menjalankan kegiatan pertanian berbanding perdagangan (Salleh Lamry, 2016). Sehingga kini, masyarakat Banjar amat kurang menjalankan perniagaan berbanding masyarakat Melayu. Oleh hal demikian, masyarakat Banjar perlu menguasai bahasa Melayu supaya urusan jual beli berjalan dengan lancar. Berdasarkan situasi demikian, nyatalah bahawa sikap bermotivasi instrumental dalam kalangan penutur natif Banjar Bagan Serai ini telah mendorong peluasan pengaruh bahasa Melayu ke atas bahasa Banjar.

Penyebaran pengaruh bahasa Banjar ini turut disebabkan oleh faktor perkahwinan campur dalam kalangan masyarakat Banjar dan Melayu di Bagan Serai ini. Masyarakat Banjar kini sudah banyak yang mendirikan rumahtangga dengan masyarakat Melayu atau disebut sebagai 'orang kampung' dalam kalangan masyarakat di Bagan Serai. Bagi memastikan komunikasi harian berjalan lancar, bahasa Banjar ini terpaksa 'dikorbankan' dan memilih bahasa Melayu sebagai bahasa tuturan harian apabila bersama dengan isteri, anak-anak dan keluarga mentua. Perkara ini tidaklah terjadi kepada bahasa Banjar ini sahaja. Malahan, kajian Sa'adiah Ma'alip (2019) juga telah membuktikan bahawa perkahwinan campur sebagai faktor pemilihan bahasa Melayu berbanding bahasa Kreol di Melaka. Oleh hal yang demikian, jelaslah bahawa perkahwinan campur ini menjadikan pengaruh bahasa Melayu semakin melenyapkan penggunaan bahasa Banjar di Bagan Serai.

Kesimpulan

Sebagaimana yang dialami oleh bahasa minoriti yang lain, bahasa Banjar ini turut mengalami impak yang sama iaitu penyebaran pengaruh bahasa Melayu. Status bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara ini benar-benar mempengaruhi bahasa-bahasa yang lain. Hasilnya, pengaruh bahasa Melayu terhadap bahasa Banjar di Bagan Serai dilihat semakin meluas hari ke hari. Pelbagai unsur-unsur yang menampakkan ciri bahasa Melayu semakin menonjol dalam bahasa Banjar. Misalnya unsur pelenyapan atau kelupusan leksikal asli Banjar. Selain itu, beberapa faktor yang dikenalpasti dilihat sangat mendorong penyebaran bahasa Melayu dalam kalangan penutur natif Banjar di Bagan Serai. Misalnya, sifat bermotivasi instrumental dan perkahwinan campur. Hakikatnya, kajian yang dijalankan ini telah mendapati bahawa bahasa Banjar ataupun mana-mana bahasa minoriti yang terdapat di Malaysia sedang dipengaruhi oleh bahasa Melayu.

Berdasarkan perkembangan terkini, bahasa Banjar ini dilihat semakin dipengaruhi oleh bahasa Melayu. Walaubagaimanapun, kajian-kajian mengenai pengaruh bahasa Melayu ke atas bahasa Banjar masih kurang diselidiki. Bertepatan dengan kecairan penggunaan harian bahasa Banjar, kajian yang meneliti penyebaran pengaruh bahasa Melayu terhadap bahasa Banjar perlu dilakukan. Oleh hal yang demikian, kajian yang dijalankan ini diharapkan dapat mengisi kelompongan kajian mengenai bahasa Banjar di Malaysia. Selain itu, kesinambungan terhadap kajian Banjar ini juga perlu dilaksanakan oleh pengkaji-pengkaji pada masa hadapan. Selain memperluaskan lagi data kajian kepada unsur morfologi, sintaksis, semantik atau pragmatik, kajian akan datang juga wajar mempertimbangkan penerapan bidang-bidang lain seperti Sociolinguistik, Antropologilinguistik dan Etnolinguistik dalam meneliti fenomena bahasa atau budaya (lihat misalnya, kajian oleh Siti Aidah et al., 2022; Shahidi et al., 2018). Dengan hal sedemikian, pemerian terhadap aspek sosiobudaya kaum Banjar akan menjadi lebih lengkap, mendalam dan tuntas. Data dan dapatan yang diserlahkan menerusi penulisan makalah ini mampu dimanfaatkan sebagai asas dalam kajian-kajian lanjutan berkenaan. Perkara sedemikian diutarakan kerana senario dinamika perubahan bahasa Banjar yang semakin ketara dewasa ini di samping perkembangan aktif teknologi dan kaedah pemerian sesebuah fenomena sosiobudaya yang ada pada masa kini. Pemerian akan datang yang lebih meluas, mendalam dan lengkap dijangka mampu mengabsahkan identiti sebenar serta realiti masa kini bahasa Banjar di Malaysia.

Penghargaan: Jutaan terima kasih diucapkan kepada semua yang terlibat untuk menjayakan kajian mengenai bahasa Banjar di Bagan Serai ini.

Konflik Kepentingan: Penulis mengakui bahawa tiada sebarang konflik kepentingan antara semua pihak yang terlibat dalam kajian ini.

Rujukan

- Asmah Haji Omar. (1985). *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Asmah Haji Omar. (2015). *Susur Galur Bahasa Melayu*. (Edisi ke-2). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, J.T. & Naseh Hassan. (1981). Kajian Dialek Ulu Terengganu: Pemetaan dan Kesimpulan Awal, *Akademika*, 18, 1-35. <https://journalarticle.ukm.my/4115/>
- Faris Imadi Fuze, Sharifah Raihan Syed Jaafar. (2023). Asimilasi Homorganik NasalImbuhan Pan- dalam Bahasa Banjar. *Jurnal Bahasa*, 23(2), 289-309. <https://jurnal.dbp.my/index.php/jurnalbahasa/article/view/8776/4454>
- Freddie Aziz Jasbindar. (2019). *Sejarah dan asal usul daerah Kerian*. <https://www.orangperak.com/sejarah-dan-asal-usul-daerah-kerian.html>
- Harun Mat Piah. (1983). Dialek Perak: Satu Tinjauan Ringkas. *Kertas Kerja Bengkel Kepimpinan & Pengajian Kebudayaan*. Jabatan Kebudayaan Belia & Sukan Negeri Perak (pp. 20-23). Ipoh, Perak
- Ismail Hussein. (1973). Malay Dialects in Peninsular. *Nusantara*. 3, 63-79.
- Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). (2020). Kependudukan Negeri Perak. https://statsdw.dosm.gov.my/wpcontent/uploads/2021/11/DOSM_DOSM.PERAK_1.2020_Siri-88.pdf
- Karim Harun & Maslida Yusof. (2015). Komunikasi Bahasa Melayu-Jawa Dalam Media Sosial. *Jurnal Komunikasi*, 31(2), 617-629. https://journalarticle.ukm.my/10036/1/V31_2_36.pdf
- Lamry Salleh. (2016). Madam Ka Banua Urang: Migrasi dan Perubahan Sosial dalam Kalangan Orang Banjar di Malaysia. *International Conference on Social and Intellectual Transformation of the Contemporary Banjarese*, 09-11 Agustus 2016, Banjar masin. <https://idr.uin-antasari.ac.id/6230/1/Madam%20ka%20Banua%20Urang.pdf>
- Mohd Khaidir Abdul Wahab & Mohd NorTaufiq NorHashim. (2020). Aspek Leksikal Kata Nama dalam Dialek Masyarakat Banjar di Mukim Bagan Serai, *e-Jurnal Bahasa dan Lingusitik*, 2(2), 67-78. <https://ejbl.kuis.edu.my/index.php/e-jbl/article/view/50/19>
- Mohd Khaidir Abdul Wahab. (2022). Pengelompokan Bahasa Melayu dengan Bahasa Banjar dalam Salasilah Hipotetikal Bahasa: Kajian Perbandingan Leksikostatistik. *Jurnal Melayu*, 21(2), 1-21. <https://journalarticle.ukm.my/18923/1/55499-182586-1-SM.pdf>
- Nuwairi. (2003). Dialek: Taburannya di Negeri Perak daripada Perspektif Dialektologi. *Jurnal Pengajian Melayu*. Jilid 13, 88-99.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2018). Dialek Melayu di Perak: Analisis Geolingusitik. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 6(2), 69-82. <https://journalarticle.ukm.my/12474/1/jatma-2018-0602-06.pdf>
- Ong Su Teck, Nur Syahida Adilah & Rahim Aman. (2016). Fonologi Subdialek Pulau Pinang: Satu Kajian di Balik Pulau. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 11(1), 186-201. <https://journalarticle.ukm.my/11443/1/14450-39838-1-SM.pdf>
- Rahim Aman, Nazihah Najwa Othman, Shahidi A.H, Ery Iswary, Anwar O.D. (2018). Rekonstruksi Dalam Varian Banjar Beriah Purba. *Journal of Nusantara Studies*, 3(2), 92-106. <https://journal.unisza.edu.my/jonus/index.php/jonus/article/view/292/152>
- Raja Mukhtaruddin. (1986). *Dialek Perak*. Yayasan Perak.
- Siti Aidah Lukin @ Lokin, Suraya Sintang, Johan Johnes. (2022). Sejarah Dan Pengalaman Hubungan Etnik di Sabah: Kesepaduan Dalam Kepelbagaian. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 19(6), 183-194. <https://ejournal.ukm.my/ebangi/article/view/58115>
- Siti Saniah Abu Bakar & Sharala Subramaniam. (2012). Pengaruh Motivasi Instrumental Dan Integratif Dalam Pemilihan Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu Dalam Kalangan Penutur Asing. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2(2), 54-62. <https://journalarticle.ukm.my/5720/1/54-61%2520Saniah%2520et%2520al.UPSI.pdf>
- Sa'adiah Ma'alip. (2019). Tahap Keterancaman Bahasa Masyarakat Kreol di Melaka. *Akademika*, 89 (Isu Khas/Special Issue), 109-123. <https://journalarticle.ukm.my/14996/1/31300-100745-1-PB.pdf>

- Siti Noraini Hamzah. (2018). Penyebaran Bunyi dan Leksikal Dialek-dialek di Perak: Analisis Geolinguistik. [Tesis PHD, Program Linguistik. Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia]
- Siti Noraini Hamzah, Nor Hashimah Jalaluddin. (2018). Kepelbagaian Variasi Leksikal Dialek di Perak: Analisis GIS. *AKADEMIKA*, 88(1), 137-152. <https://core.ac.uk/download/pdf/160010408.pdf>
- Shahidi A.H., Nurul Huda Ariffin & Rahim Aman. (2021). Dialek Perak varian Kuala Kangsar: Satu Pemerian Fonetik Akustik. *Jurnal Melayu, Isu Khas Disember 2021*, 602-634. <https://journalarticle.ukm.my/18395/1/52654-173149-1-SM.pdf>
- Shahidi A.H., Mohamad Firdaus Azaharuddin & Rahim Aman. (2019). Variasi Leksikal Ganti Nama Diri dalam Varian Ulu Berang. *Akademika*, 89(Isu Khas), 125-137. <https://journalarticle.ukm.my/14997/1/31302-100744-1-PB.pdf>
- Shahidi, A.H., Nor Azwahanum Nor Shaid, Mohd Sharifudin Yusop, Marlyna Maros, Rahim Aman (2018). Fenomena sosiobudaya orang asli Kanaq dalam penguasaan bahasa Melayu: satu tinjauan awal. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 15(5), 146-156. <https://ejournal.ukm.my/ebangi/article/view/29288>
- Sudarmo. (2017). Fonotaktik Bahasa Banjar. *Jurnal Bahasa, Sastra dan Pembelajarannya*, 6(2), 278-297 <https://media.neliti.com/media/publications/75019-ID-none.pdf>
- Mohd Tarmizi Hasrah & Mohammad Khirulanwar Abdul Ghani (2021). Dialek Melayu Baling: Satu pemerian awal. *Jurnal Bahasa*, 21(1), 193–216. [https://doi.org/10.37052/jb21\(2\)no2](https://doi.org/10.37052/jb21(2)no2)
- Teo Kok Seong. (2005). Asimilasi Dialek Melayu Kelantan Dan Dialek Thai Kelantan Dalam Bahasa Cina Peranakan. *Jurnal Bahasa*, 5(1), 68-82. <https://jurnal.dbp.my/index.php/jurnalbahasa/article/view/8539/4043>
- Yusmawati Yusoff & Mohd Khaidir Abdul Wahab. (2021). Kata Sapaan dan Rujukan dalam Kalangan Masyarakat Banjar Terpilih di Daerah Kerian Perak. *Internation Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 11(2), 6-22. <https://journal.ump.edu.my/ijleal/article/view/6536/1710>
- Zaharani Ahmad. (1991). *The Phonology and Morphology of Perak Dialect*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zubir Mohd Yunus. (2016, Ogos 2025). Kerian menjadi titik sempadan Perak, Kedah, Pulau Pinang. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2016/10/202554/kerian-menjadi-titik-sempadan-perak-kedah-pulau-pinang>